



JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM NEGERI SABAH

جَبَاتُ خَالِ الْاَوَالِ اَكَامُ اِسْلَامِ نِجَرِي سَابَا

KHUTBAH JUMAAT PERTAMA DAN KEDUA

06 JAMADILAWAL 1446H / 08 NOVEMBER 2024M

“INTEGRITI TERAS KEHARMONIAN NEGARA”

Disediakan oleh

Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS)

Dengan kerjasama

Institut Integriti Malaysia (IIM)

Arahan kepada PTA/ PPMD/ AJK MASJID/ SURAU:

- Seksyen 97, Enakmen 3 Tahun 1995, Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah 1995, Bahagian IV - Kesalahan Khutbah menyatakan bahawa menjadi kesalahan bagi khatib yang membaca khutbah Jumaat yang bukan disediakan, disemak atau diluluskan oleh Majlis dan boleh, apabila disabitkan, dikenakan hukuman denda tidak melebihi dua ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya sekali.
- Khatib hendaklah menyemak terlebih dahulu khutbah ini sebelum disampaikan kepada para jemaah supaya sempurna rukun dan baris agar dapat disampaikan dengan fasih dan lancar.
- Khutbah ini hendaklah dibaca oleh Imam Qariah atau Imam Rawatib yang bertugas di masjid atau surau yang berkenaan kecuali ada kebenaran khas dari Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS).
- Khutbah hendaklah disampaikan pada tarikh dan masa yang ditetapkan oleh JHEAINS.
- Khatib tidak dibenarkan meminda isi perkataan dalam khutbah ini kecuali untuk menyempurnakan rukun khutbah, kesilapan ejaan dan baris pada ayat-ayat al-Quran & Hadis yang terkandung di dalamnya.
- Khutbah hendaklah disampaikan dalam tempoh 10 - 15 minit sahaja.



Mohon semak QR code ini jika ada sebarang cadangan penambahbaikan. Sekian, terima kasih

KHUTBAH PERTAMA

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ:

إِنَّا عَرَضْنَا الْأَمَانَةَ عَلَى السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ وَالْجِبَالِ فَأَبَيْنَ أَنْ يَحْمِلْنَهَا وَأَشْفَقْنَ مِنْهَا وَحَمَلَهَا الْإِنْسَانُ إِنَّهُ كَانَ ظَلُومًا جَهُولًا ﴿٧٢﴾ (الأحزاب: 72)

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى حَبِيبِنَا وَشَفِيعِنَا مُحَمَّدٍ، أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ، وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ، وَالتَّابِعِينَ لَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ، اتَّقُوا اللَّهَ، وَتَزَوَّدُوا فَإِنَّ خَيْرَ الزَّادِ التَّقْوَى، فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ ﴿١٠٢﴾

SIDANG JEMAAH JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH SEKALIAN,

Saya ingin mengingatkan diri dan sidang Jemaah sekalian, marilah kita tingkatkan keimanan dan ketakwaan kepada Allah SWT dengan melaksanakan suruhan-Nya dan meninggalkan larangan-Nya di samping berusaha mencari kehidupan yang diberkati dan diredhai Allah SWT. Khatib pada hari ini akan menyampaikan khutbah yang bertajuk: **“INTEGRITI TERAS KEHARMONIAN NEGARA.”**

SIDANG JEMAAH JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH SEKALIAN,

Integriti merupakan satu perkara yang amat penting dalam kehidupan kita. Secara asasnya, integriti bermaksud kejujuran, ketulusan, kesempurnaan dan keutuhan. Ia juga diertikan sebagai segala nilai murni yang perlu ada dalam diri setiap individu atau organisasi, termasuklah nilai keikhlasan, keterbukaan, ketelusan, amanah, benar, berpegang pada prinsip dan lain-lain lagi.

Sememangnya nilai integriti menjadi satu asas yang amat penting dalam pembentukan jati diri dan sahsiah seseorang individu. Penghayatan terhadap nilai integriti dalam diri akan melahirkan personaliti, tingkah laku serta akhlak yang baik pada diri seseorang. Ia seterusnya menjadi asas kepada pembentukan masyarakat yang hidup harmoni serta jauh daripada nilai-nilai buruk, dan akhirnya membantu sesebuah negara mencapai matlamat dan kejayaan serta terkenal dengan ketinggian nilai integritinya.

JEMAAH JUMAAT YANG DIKASIHI ALLAH SEKALIAN,

Contoh teladan terbaik dalam penghayatan nilai integriti ini sudah tentulah Rasulullah SAW. Integriti tinggi yang ada pada baginda telah menyebabkan baginda digelar Al-Amin yang bererti 'seorang yang sangat dipercayai'. Nilai integriti baginda didasari oleh empat nilai peribadi serta sifat wajib yang ada pada diri seorang rasul, iaitu *Siddiq* (sangat benar), *Amanah* (kejujuran), *Tabligh* (menyampaikan) dan *Fatonah* (bijaksana). Justeru itu, selayaknya setiap muslim juga perlu memastikan nilai serta sifat-sifat mulia ini menjadi asas keperibadian diri, sebagai satu usaha mencontohi Rasulullah SAW. Allah SWT berfirman dalam surah al-Ahzab, ayat 21:

لَقَدْ كَانَ لَكُمْ فِي رَسُولِ اللَّهِ أُسْوَةٌ حَسَنَةٌ لِّمَن كَانَ يَرْجُوا اللَّهَ وَالْيَوْمَ الْآخِرَ
وَذَكَرَ اللَّهَ كَثِيرًا ﴿٢١﴾

Maksudnya: “Demi sesungguhnya, adalah bagi kamu pada diri Rasulullah itu contoh ikutan yang baik, iaitu bagi orang yang sentiasa mengharap (keredaa) Allah dan (balasan baik) hari akhirat, serta ia pula menyebut dan mengingati Allah banyak-banyak (dalam masa susah dan senang).”

JEMAAH JUMAAT YANG DIKASIHI ALLAH SEKALIAN,

Sememangnya pengamalan nilai integriti dalam diri mempunyai kelebihan dan kemuliannya tersendiri. Allah SWT menjelaskan di dalam al-Quran bahawa antara ciri-ciri orang mukmin yang dijanjikan kejayaan dan mendapatkan kebaikan adalah orang yang sentiasa menjaga amanah dan janji. Kedua-dua perkara ini juga merupakan sebahagian daripada penghayatan nilai integriti. Allah SWT berfirman dalam surah al-Mukminun, ayat 8:

وَالَّذِينَ هُمْ لِأَمْتِنَتِهِمْ وَعَهْدِهِمْ رَاعُونَ ﴿٨﴾

Maksudnya: “Dan mereka yang menjaga amanah dan janjinya.”

Rasullulah SAW menjelaskan bahawa sifat amanah serta bersungguh-sungguh ketika melaksanakan satu-satu pekerjaan merupakan sifat yang sangat disukai oleh Allah SWT. Dalam sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Saidatina Aisyah, Rasullulah SAW bersabda yang **bermaksud**;

“Sesungguhnya Allah SWT mencintai seseorang yang apabila dia mengerjakan sesuatu pekerjaan, dia melakukan dengan itqan (bersungguh-sungguh).” (Riwayat Al-Tabrani)

Bahkan lebih dari itu, manfaat atau kelebihan pengalaman nilai integriti ini bukan semata-mata untuk individu muslim itu sendiri sahaja, bahkan juga akan diperolehi oleh ahli keluarga, masyarakat dan juga negara.

MUSLIMIN JEMAAH JUMAAT SEKALIAN,

Malaysia adalah sebuah negara majmuk yang rakyatnya terdiri daripada pelbagai kaum, budaya dan agama. Walaupun demikian, rakyat negara ini masih boleh hidup dalam suasana harmoni dan aman damai hasil daripada pengalaman sikap hormat menghormati, saling mengasihi, tolak ansur, kebersamaan dan semangat perpaduan. Keharmonian dan keamanan ini seharusnya dipertahankan daripada ancaman perpecahan yang dibawa oleh pihak-pihak yang tidak berintegriti dan tidak bertanggungjawab yang suka mencetuskan perbalahan dan permusuhan, termasuklah di dalam media sosial. Ingatlah bahawa kesejahteraan dan kemakmuran negara juga adalah amanah daripada Allah SWT yang perlu dipelihara.

Kita juga seringkali mendengar krisis keruntuhan nilai integriti dalam kalangan masyarakat. Sedarlah bahawa seseorang individu yang tidak menegakkan nilai integriti, kejujuran dan amanah akan menyebabkan dia terjerumus ke dalam kemungkaran seperti rasuah, khianat, penipuan dan pecah amanah yang pastinya boleh membawa kepada keruntuhan organisasi, institusi masyarakat dan negara. Bahkan lebih dahsyat lagi, kehilangan nilai integriti menjadi tanda terhakisnya iman dalam diri seseorang individu. Ini sepertimana sabda Rasullulah SAW yang **bermaksud:**

“Tidak sempurna keimanan bagi orang tidak amanah, dan tidak sempurna agama bagi orang yang tidak menepati janji.” (Riwayat Ahmad)

JEMAAH JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH SEKALIAN,

Sebagai seorang mukmin, menjadi satu kemestian untuk kita menyemai dan menyuburkan nilai kejujuran dan amanah dalam diri. Nilai-nilai mulia ini juga seharusnya menjadi antara agenda utama dalam mendidik anak-anak dan keluarga. Sememangnya pendidikan serta tarbiyyah yang baik itu perlu bermula dari rumah. Tambahan daripada itu, sempena Sambutan Bulan Integriti Nasional 2024 sepanjang bulan November ini, serta ulang tahun Institut Integriti Malaysia (IIM) ke-20, pihak IIM juga telah dan akan melaksanakan pelbagai program kesedaran, di samping meningkatkan serta memperkasakan lagi pembudayaan nilai integriti di semua sektor, sama ada awam, swasta mahupun masyarakat, demi meningkatkan nilai dan etika integriti.

JEMAAH JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH SEKALIAN,

Mengakhiri khutbah pada hari yang mulia ini, khatib sekali lagi ingin menyeru para jemaah sekalian agar sama-sama kita sentiasa menjaga ketakwaan kita kepada Allah SWT, yang antara salah satu caranya adalah dengan menghayati dan menegakkan nilai integriti dalam diri kita masing-masing. Menyimpul khutbah yang disampaikan sebentar tadi, terdapat beberapa intipati yang boleh diambil sebagai pengajaran:

Pertama: Penghayatan dan pengalaman nilai integriti menjadi asas utama pembentukan jati diri seseorang individu, dan Rasullulah SAW pula merupakan contoh terbaik dalam perkara ini.

Kedua: Sesungguhnya orang yang mengamalkan nilai integriti dalam hidup pasti akan mendapat kejayaan di dunia dan akhirat, seterusnya mendapatkan keredhaan Allah SWT.

Ketiga: Kehilangan nilai integriti dalam diri boleh menjerumuskan seseorang individu ke lembah maksiat, dan dikhuatiri termasuk dalam golongan orang yang tidak sempurna iman serta agamanya.

Marilah sama-sama kita merenung firman Allah SWT dalam surah al-Ahzab, ayat 72:

إِنَّا عَرَضْنَا الْأَمَانَةَ عَلَى السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ وَالْجِبَالِ فَأَبَيْنَ أَنْ يَحْمِلْنَهَا وَأَشْفَقْنَ مِنْهَا وَحَمَلَهَا الْإِنْسَانُ إِنَّهُ كَانَ ظَلُومًا جَهُولًا ﴿٧٢﴾

Maksudnya: “Sesungguhnya Kami telah kemukakan tanggungjawab amanah (Kami) kepada langit dan bumi serta gunung-ganang (untuk memikulnya), maka mereka enggan memikulnya dan bimbang tidak dapat menyempurnakannya (kerana tidak ada pada mereka persediaan untuk memikulnya); dan (pada ketika itu) manusia (dengan persediaan yang ada padanya) sanggup memikulnya. (Ingatlah) sesungguhnya tabiat kebanyakan manusia adalah suka melakukan kezaliman dan suka pula membuat perkara-perkara yang tidak patut dikerjakan.”

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلْ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

تيكس خطبة كدوا

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ النَّبِيِّ الْأُمِّيِّ، وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ الطَّاهِرِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ أَمَرَكُمْ بِأَمْرٍ عَظِيمٍ، أَمَرَكُمْ بِالصَّلَاةِ وَالتَّسْلِيمِ عَلَى نَبِيِّهِ الْكَرِيمِ، فَقَالَ اللَّهُ تَعَالَى:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا. اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ.

آمِينَ يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ. اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ. اللَّهُمَّ أَنْزِلِ الرَّحْمَةَ وَالْبَرَكَاتِ وَالْهُدَايَةَ وَالسَّلَامَةَ وَالسَّكِينَةَ وَالصِّحَّةَ الدَّائِمَةَ عَلَى مَلِكِنَا كَبَاوَه دُولِي يَغْ مَهَا مَوْلِيَا سَرِي قَادُوكْ بَكِينِدَا يَغْ دَفَرْتَوَانْ أَكُوغْ وَكَذَلِكَ عَلَى فَخَامَةِ الرَّئِيسِ الْأَعْلَى تَوَانْ يَغْ تَرَاوَتَامْ يَغْ دَفَرْتَوَانْ نَكْرِي سَابَه. وَاجْعَلِ اللَّهُمَّ هَذِهِ الْبَلَدَةَ وَسَائِرَ بِلَادِ الْمُسْلِمِينَ أَمْنَةً مُطْمَئِنَّةً، إِنَّكَ رَعُوفٌ رَحِيمٌ.

اللَّهُمَّ ادْفَعْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْفَحْشَاءَ وَالْمُنْكَرَ وَالْمِحْنَ وَالْفِتْنَ، مَا ظَهَرَ مِنْهَا وَمَا بَطَّنَ، مِنْ بَلَدِنَا هَذَا خَاصَّةً، وَمِنْ بُلْدَانِ الْمُسْلِمِينَ عَامَّةً، إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ.

Ya Allah, selamatkanlah saudara-saudara kami yang tertindas di bumi barakah khususnya Palestin, kasihanilah mereka dan limpahkan gugusan Rahmat-mu ke atas mereka.

Ya Allah! Naungilah kehidupan kami, negeri dan juga negara kami. Hiasilah diri kami dengan sifat-sifat terpuji dan jauhi kami dari sifat-sifat yang terkeji. Jadikanlah kami dan daripada keturunan kami orang-orang yang istiqamah mendirikan solat secara berjemaah, menunaikan zakat, berpuasa dalam bulan Ramadan, mengerjakan ibadah haji, mewakafkan harta dan berinfaq pada jalan yang Engkau redai. Sesungguhnya hanya kepadaMu jua Ya Allah tempat kami mengadu dan memohon pertolongan.

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.
عِبَادَ اللَّهِ،

إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ
وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ
فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوا لَهُ عَلَىٰ نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ
وَلَا تَكْفُرُوا بِاللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.

Disediakan dan diedar oleh:

Bahagian Penyelidikan dan Informasi, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah

NOTA:

Teks khutbah ini mengandungi potongan ayat-ayat al-Quran dan Hadis Rasulullah SAW. Mohon jaga dengan cermat dan tidak disepahkan.

Sebarang pertanyaan atau maklum balas, sila hubungi

Unit Penerbitan, Bahagian Penyelidikan dan Informasi, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah

Hubungi [088-522127/](tel:088-522127) jheains.penerbitan@gmail.com untuk sebarang pertanyaan/ maklumat lanjut.